



## KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-8882 3893  
03-8882 3894  
Laman Web : www.mof.gov.my

### SULIT

Ruj. Kami : MOF.BPK(S) 600-1/3/69 Jld.5 ( 7 )  
Tarikh : 19 Januari 2024

#### YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah  
Aras 30, No.47, Persiaran Perdana  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62100 PUTRAJAYA**

**No. Tel : 03-8888 2050**

YBhg. Dato' Sri,

### PELAKSANAAN PROJEK *TOUCH POINT* DI KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dalam KKDW.PER.(S).400-10/28/2 (31) bertarikh 3 November 2023, KKDW.PER.(S).400-10/9/52 Jld.8(62) bertarikh 4 Disember 2023 dan KKDW.PER.(S).400-10/28/2(34) bertarikh 10 Januari 2024 mengenai perkara di atas. Surat Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) bilangan MOF.BPK(S)600-1/3/69 Jld.4(34) bertarikh 27 Februari 2023, MOF.BPK(S)600-1/3/69 Jld.4(40) bertarikh 13 April 2023, MOF.BPK(S)600-1/5/12(17) bertarikh 5 Julai 2023 dan MOF.BPK(S)600-1/3/69 Jld.4(2) bertarikh 2 Ogos 2023 dirujuk. Perbincangan bersama YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha KKDW dan YBhg. Datuk Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 17 Januari 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa MoF telah meneliti permohonan KKDW dan bersetuju meluluskan permohonan KKDW bagi pelanjutan pelaksanaan projek *Touch Point* KKDW hingga 31 Disember 2024 seperti di **Lampiran A** bagi perkara berikut;

- i. Kaedah Perolehan dan Had Nilai bagi Projek *Touch Point*, Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Projek Ameniti Sosial (PAMS);
- ii. Kaedah Perolehan dan Had Nilai bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) *Late Applicant* dan BALB Sistem Alternatif; dan
- iii. Pengecualian khas bagi pengeluaran Inden Kerajaan melalui sistem iGFMAS bagi projek di bawah KKDW yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah/Dewan Bandaraya/ Majlis Perbandaran/Majlis Daerah.

**SULIT**

Ruj. Kami : MOF.BPK(S) 600-1/3/69 Jld.5 ( 7 )  
Tarikh : 19 Januari 2024

3. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri jua, MoF turut bersetuju untuk melanjutkan kaedah perolehan Tender Terbuka Pra-Kelayakan terpilih hingga 31 Disember 2024 untuk semua Kementerian/Agensi yang melaksanakan projek cakra rakyat. KKDW hendaklah merujuk kepada surat terkini MoF bilangan MOF.BPK(S) 600-1/3/69 Jld.5(3) bertarikh 12 Januari 2024 bagi penetapan syarat-syarat terkini berkaitan kelulusan pelanjutan tersebut.

4. Sehubungan itu, surat MoF bilangan MOF.BPK(S) 600-1/3/69 Jld.5 (4) bertarikh 16 Januari 2024 dibatalkan. Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato' Sri ke atas perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' INDERA AB RAHIM BIN AB RAHMAN)**

Bahagian Perolehan Kerajaan  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia

## LAMPIRAN A

**KELULUSAN PELAKSANAAN PROJEK TOUCH POINT DI KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH HINGGA 31 DISEMBER 2024**

- a) Kaedah Perolehan dan Had Nilai bagi Projek *Touch Point*, Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Projek Ameniti Sosial (PAMS) seperti di **Jadual 1**:

**Jadual 1**

Bil.	Kriteria	Lantikan Terus	Requisition Secara Undian	Sebut Harga
i)	Had Nilai	Sehingga RM200 ribu	Sehingga RM200 ribu	Melebihi RM200 ribu sehingga RM1 juta
ii)	Gred Kontraktor	G1 (Bumiputera)		PP/PK 2.9
iii)	Tempoh Proses	40 hari		90 hari

- b) Kaedah Perolehan dan Had Nilai bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) *Late Applicant* dan BALB Sistem Alternatif seperti di **Jadual 2**:

**Jadual 2**

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai
i)	Lantikan Terus	Sehingga RM200 ribu
ii)	Kerja Requisition secara undian	Sehingga RM200 ribu
iii)	Sebut Harga	Melebihi RM200 ribu sehingga RM1 juta

- c) KKDW hendaklah memastikan pelaksanaan projek *Touch Point*, JPD, PAMS dan BALB *Late Applicant* dan Sistem Alternatif mematuhi syarat tambahan seperti berikut:

Lantikan Terus

- i. Agensi tidak dibenar menyediakan skop kerja secara *lump sum*;
- ii. Agensi perlu menyediakan *Bill of Quantity* (BQ) dan anggaran jabatan berdasarkan skop kerja;
- iii. Agensi perlu menyediakan *layout drawing*;
- iv. Pihak Berkuasa Melulus adalah di peringkat Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH);
- v. Kombinasi pelaksanaan pembinaan baharu PPRT dan pembaikan PPRT adalah dibenarkan tertakluk kepada had nilai perolehan tidak melebihi RM200 ribu iaitu sama dengan kaedah perolehan Lantikan Terus atau *requisition* secara undian;
- vi. Syarikat/kontraktor adalah dibenarkan untuk melaksanakan pembaikan PPRT dan lain-lain skop kerja secara Lantikan Terus tertakluk had nilai perolehan tidak melebihi RM200 ribu dan pelawaan tidak dipukulkan untuk mencapai sehingga had nilai RM200 ribu bagi satu syarikat/kontraktor; dan
- vii. Pegawai Pengawal perlu mewujudkan mekanisme kawalan dan pemantauan.

Requisition Secara Undian

- i. Agensi tidak dibenar menyediakan skop kerja secara *lump sum*;
- ii. Agensi perlu menyediakan BQ dan anggaran jabatan berdasarkan skop kerja serta mengguna pakai jadual kadar kerja yang dikeluarkan oleh JKR; dan
- iii. Pegawai Pengawal perlu mewujudkan mekanisme kawalan dan pemantauan.

Sebut Harga

- i. Pelaksanaan adalah berdasarkan peraturan dan tatacara semasa yang berkuat kuasa.